

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HSA 101 - Pengantar Sejarah

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

Kertas Peperiksaan ini mengandungi lapan(8) soalan.

Jawab **EMPAT(4)** soalan. Soalan dalam Bahagian A adalah **WAJIB** dan **MESTI** dijawab. Pilih **SATU(1)** soalan dari Bahagian B dan **SATU(1)** soalan dari Bahagian C, sedangkan soalan akhir boleh dipilih dari sama ada Bahagian B atau Bahagian C.

**BAHAGIAN A - Kritikan Sumber (Wajib)**

1. Sila baca dengan teliti Dokumen A dan Dokumen B yang tercatat di bawah, dan jawab semua soalan yang diperturunkan di bawah Dokumen-Dokumen itu.

**DOKUMEN A**

Tambahan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor (22 April 1908).

Telah diluluskan dan dibubuh tandatangan oleh sekalian ahli-ahli mesyuarat pada hari Rabu 22 April 1908.

Bahawa adalah kita Ibrahim Sultan Yang Dipertua bagi negeri dan jajahan Johor telah berkenaan suka dan bersetuju dan dengan syor dan keredaan dan Persekutuan ahli Mesyuarat Kerajaan membuat mengadakan undang-undang ini supaya jadi penambah bagi undang-undang tubuh kerajaan yang telah diadakan pada Hijrat 1312 (tahun 1895) dan iaitu mengikuti bagaimana yang tersebut di dalam fasal 64 pada akhir undang-undang itu.

Ialah supaya dipakai dan dilakukan di dalam Johor dan segala daerahnya daripada tarikh ini sehingga selama-lamanya dan kepada keturunan waris-waris dan ganti-ganti kita.

Maka undang-undang ini dinamakan Undang-undang Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan bagi Hijrat 1326 bersamaan dengan tahun 1908 ialah seperti di bawah ini:

.../1

1. Tiadalah boleh seseorang itu dihilangkan kemerdekaannya ditahan akan dia atau dipenjarakan melainkan dengan mengikuti perjalanan yang betul bagi undang-undang. (*Law*) walau oleh Sultan sendiri sekalipun kebebasan dan kemerdekaan segala orang-orang yang tidak ditegah oleh perbuatan benar dan adil bagi undang-undang (*Law*) ialah asas bagi kesemua government yang baik.

2. Oleh tersangatlah wajib suatu perjalanan yang betul bagi keadilan dan bagi perjagaan nyawa kemerdekaan dan harta bagi tiap-tiap orang maka hakim-hakim dan pengadil-pengadil hendaklah semata-mata merdehaka dirinya daripada sebarang asuhan yang datang terus atau tiada terus padanya supaya menyempurnakan pekerjaan yang patut dijalankan dengan adil jika tidak demikian nescaya tiadalah boleh laku keadilan atau kepercayaan rakyat pun tiadalah membetuli atas pekerjaan menjalankan undang-undang (*law*) itu dengan sepertinya.

Tidaklah boleh Sultan atau barang siapa daripada menteri-menterinya memberi perintah kepada mereka itu (Hakim-Hakim atau Pengadil-Pengadil) dalam sebarang perkara yang ada dihadapan mahkamah.

3. Barang siapa yang kena paksa daripada kebebasannya atau ditahan dalam kurungan atau dipenjarakan dikecualikan dalam perjalanan yang benar bagi undang-undang (*Law*) bolehlah ia sendiri atau siapa bagi pihaknya meminta kepada Hakim Mahkamah supaya dibawa ia dengan segera di hadapan Mahkamah tatkala itu hendaklah mahkamah menimbangkan iaitu jika ada sebab yang menjadikan terpenjara itu patut atau tahanan itu mengikut undang-undang hendaklah mahkamah dengan segera menjalankan apa yang dikehendaki oleh keadilan maka jika tiada nampak kepatutannya dalam undang-undang (tiada sah) hendaklah mahkamah perintah lepaskan dia setketika itu juga.

4. Hendaklah Sultan membawa dirinya kepada semua rakyat-rakyatnya dengan kelakuan yang hormat dan adil dengan menunjukkan kasih sayang dan timbangan kepada semua mereka itu dan memerintah mengikut undang-undang (*Law*) kerana bukanlah seorang pemerintah yang sebenarnya jika kehendak dan kesukaan hatinya yang memerintah dan bukan undang-undang (*Law*) yang memerintah dan lagi hendaklah memelihara agama Islam yang ada itu serta hak-hak dan kemerdekaan-kemerdekaan rakyat-rakyat ingatlah yang sultan itu telah dilantik atas tempat yang tinggi itu oleh rakyat-rakyat negeri dengan kepercayaan mereka itu yang ia boleh menyempurnakan harapan mereka itu atasnya.

5. Bayaran gaji bagi sebarang pegawai kerajaan tiada boleh ditahan bila sampai tempohnya jika dengan tiada satu perintah dari kepala perjabatan yang tempat pegawai itu bekerja maka perintah yang demikian itu pula

hendaklah ditimbangkan oleh sultan dalam mesyuarat. Dan lagi sekiranya ada sebarang hutang yang telah disabitkan oleh mahkamah atas sebarang pegawai kerajaan tiadalah boleh diberi perintah tahan akan gajinya itu oleh mahkamah jika tiada lain dengan tulisan dari *Setiausaha Kerajaan*.

Dengan titah perintah  
Mohammad bin Mahbob  
*Setiausaha Kerajaan*

Dewan Kerajaan  
Johor Bahru 22 April 1908  
(20 Rabbiul Awal 1326)

### Soalan-soalan

- (a) Apakah tanggungjawab yang dipikul oleh Hakim Mahkamah di bawah Undang-Undang Tambahan tahun 1908 ini?
- (b) Bagaimakah fasal 2 dan fasal 3 dalam Undang-Undang baru ini menjamin hak rakyat Johor?
- (c) Jelaskan sama ada Undang-Undang baru ini menurunkan kedudukan Sultan Johor kepada taraf Raja Berperlembagaan.
- (d) Terangkan bagaimana fasal 4 dalam Undang-Undang baru ini membuat satu penakrifan yang revolusioner mengenai hubungan antara raja dan rakyat.
- (e) Bagaimakah dokumen ini boleh membantu kajian mengenai pemodenan negeri Johor pada abad ke-20?

### **DOKUMEN B**

Dipetik dari Kisah Pelayaran Abdullah Munsyi ke Kelantan tahun 1838.

"Maka saya lihat hal negeri Pahang itu seperti dusun adanya, tiada berpasar dan kedai, dan tiada lorong yang boleh berjalan-jalan, melainkan di Kampong China itu sahaja, yang boleh berjalan, ada kira-kira lima puluh depa..."

Shahadan saya lihat, seperti tanam-tanaman mereka itu, yang terbanyak kelihatan nyiur dan pinang; tetapi pada masa saya di sana, delapan buah nyiur seringgit adanya. Dan lagi ada juga sayor-sayor sedikit, seperti keladi dan ubi, dan keledek dan tebu pisang. Tetapi sekalian itu datang dari hulu negeri. Maka adalah hidup-hidupan mereka itu daripada kerbau dan kambing dan sedikit-sedikit lembu dan ayam itek. Ada pun burong-burong yang banyak kelihatan itu gagak, penuh sepanjang sungai dan kampung...

Bermula dagangan yang keluar dari dalam Pahang itu yang terbesar itu, emas dan timah. Ada juga sedikit orang bertenun kain sutera; dan kayu kemuning ada juga keluar; dan seperti damar dan rotan sedikit-sedikit. Shahdahan ada pun dagangan yang boleh laku di Pahang itu seperti candu, dan sutera, dan garam dan beras dan kain-kain Eropah pun boleh laku sedikit-sedikit...

Shahdahan maka adalah dari hal China yang ada dalam negeri Pahang itu, saya lihat semuanya, China Kheh sahaja di Kampong China itu. Maka adalah rumah-rumah mereka itu, sekaliannya atap; ada masing-masing menaroh sedikit-sedikit barang-barang dalam rumahnya, seperti kain dan makanan, dan sebagainya. Maka kalau orang hendak membeli, pergilah bertanya kepadanya. Maka masing-masing adalah berbinikan perempuan Bali dan Melayu. Maka adalah anak mereka itu sekalian, saya dengan dipergunakannya bahasa China terlebih daripada bahasa Melayu. Maka adalah pula sebuah rumah kecil, atap juga, rumah tempat menaroh berhalanya.

Bermula, maka adalah banyak orang Arab di sana daripada Sayyid dan Sheikh. Maka adalah Sayyid itu keturunan daripada Rasul Allah. Maka segala anak cucunya keturunan daripada sahabat-sahabat Rasul Allah. Maka segala anak cucu mereka itu sekaliannya, bernama Sheikh adanya. Maka mereka itu sekalian ditakuti orang Melayu akan dia. Maka bahasa mereka itu kepada orang Arab itu seperti berbahasa kepada raja-raja. Maka apabila ia berkata-kata, maka duduklah ia dahulu memberi hormat, 'bertengku' dan 'hamba tengku'. Maka adalah pekerjaan orang-orang Arab itu berniaga. Maka kebanyakan kaya daripada yang miskin, dan rumah-rumah mereka itu pun terlebih indahnya daripada rumah-rumah orang Melayu; dan barang pekerjaannya dan perkataannya terpakai kepada raja. Tetapi rumah mereka itu pun daripada atap juga. Maka

adalah kampong mereka itu pun berlainan dengan kampong Melayu; ia tinggal di tepi pantai seberang Kampong China. Maka dalam kampong tuan-tuan itulah ada mesjid berdekat-dekat dengan kampong Dato Bendahara... Maka dalam mesjid itulah Dato Bendahara dan segala orang Melayu sembahyang Jumaat adanya.

Shahdahan maka tiadalah tentu satu atau dua tempat orang mengajar mengaji, melainkan adalah dalam sepuluh dua belas rumah seorang dua orang anak-anak mengaji Quran, bukannya bahasa Melayu, kerana demikianlah adat dalam segala negeri-negeri Melayu dalam dunia, maka tiadalah ia belajar bahasanya, melainkan semuanya daripada kecilnya ia memulai mengaji Quran dengan tiada ia mengerti, melainkan barang kali dalam seribu tiada seorang pun yang mengetahui erti Quran itu dengan betulnya.

Sebermula adalah bahasa mereka itu bahasa Melayu, lagi halus dan betul jalan bahasa, kerana asalnya bahasanya itu tumbuhnya dari Johor. Maka adalah saya tersangat dukacita adanya, sebab sayang hati mendengarkan bunyi bahasa mereka itu, terlalu bagus lagi dengan manisnya, kerana tiada mereka itu mahu belajar bahasanya sendiri, lagi pun tiada ia menaroh akan tempat belajar itu. Maka jikalau kiranya diusahakan oleh mereka itu mencari guru yang pandai akan mengajar anak-anak mereka itu, nescaya penuhlah dalam negeri-negeri Melayu orang yang tahu membaca dan menulis dan mengarang segala jenis kitab-kitab dan ilmu-ilmu... Istimewa pula bagi segala raja-raja dan orang besar-besar dan pegawai-pegawai memeliharaikan bahasa itu serta ia mengusahakan mengajar akan dia kepada segala kaum dan keluarganya dan rakyat sakainya."

### Soalan-soalan

- (a) Dari dokumen di atas, apakah yang diketahui mengenai kegiatan-kegiatan ekonomi di Pahang?
- (b) Mengikut Abdullah Munsyi, apakah kelebihan-kelebihan kaum Arab di Pahang?
- (c) Sekurang-kurangnya terdapat tiga hal yang dikisahkan oleh Abdullah Munsyi mengenai kaum Melayu yang harus dipertimbangkan dengan berhati-hati. Apakah tiga hal itu?

- (d) Dokumen ini memperlihatkan bahawa penulis bukanlah seorang pemerhati semata-mata tetapi juga seorang yang inginkan pembaharuan. Jelaskan.
- (e) Apakah nilai dokumen ini kepada seseorang ahli sejarah yang mengkaji sejarah Pahang pada abad yang ke-19?

### BAHAGIAN B

2. "Pengajian sejarah adalah satu kegiatan yang mulia." (Tacitus)

Adakah bukti yang kukuh bahawa ahli-ahli sejarah Rom telah menepati apa yang dilaungkan oleh Tacitus di atas?

3. "Keobjektifan menjadi asas konsepsi seluruhnya orang China terhadap penulisan sejarah." (C.S. Gardner)

Bincangkan.

4. "Sejarah Melayu dihasilkan oleh golongan istana untuk mengagung-agungkan golongan tersebut." (Abdul Rahman Haji Ismail)

Telitikan kesahan pandangan yang tersebut di atas.

### BAHAGIAN C

5. "Hanya tindakan-tindakan yang berupa tafakuran sahajalah yang boleh menjadi isi perkara sejarah." (R.G. Collingwood)

Ulaskan.

6. Bincangkan pandangan Isaiah Berlin yang menyatakan bahawa "tindakan-tindakan individu, yang bebas untuk memilih di antara alternatif-alternatif, boleh membawa kesan-kesan yang amat besar".

7. "Apabila ahli sejarah membuat pengadilan moral ia mungkin tidak dapat bersikap adil." (Kosim Ahmad)

Apakah bukti yang mengesahkan kebenaran pandangan yang tersebut di atas?